

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :

- (a) apakah usaha Kementerian untuk menarik minat rakyat tempatan terutamanya golongan belia menceburi pekerjaan Agrikomoditi; dan
- (b) apakah jenis pekerjaan yang ada dan jenis latihan kemahiran agrikomoditi yang disediakan.

JAWAPAN

- a) Apakah usaha Kementerian untuk menarik minat rakyat tempatan terutamanya golongan belia menceburi pekerjaan Agrikomoditi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sangat menggalakkan rakyat tempatan terutamanya golongan belia untuk menceburi pekerjaan dalam sektor agrikomoditi. Sehubungan itu, pihak Kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha jangka masa panjang dan sederhana seperti yang berikut:

- i. mengadakan sesi libat urus bersama Institut Perladangan dan Komoditi (IMPAC) melalui penganjuran program dengan pihak sekolah dan institusi pengajian tinggi awam bagi memberi pendedahan awal serta menarik minat golongan belia dan para pelajar untuk menceburi pekerjaan di sektor agrikomoditi;
- ii. melatih belia-belie tempatan secara berterusan di bawah IMPAC sebagai persediaan untuk menceburi industri agrikomoditi. Antara fokus utama kursus dan latihan yang ditawarkan oleh IMPAC adalah pendedahan penggunaan jentera mekanisasi secara menyeluruh dan setiap latihan yang dijalankan adalah berorientasikan secara '*hands-on*'. Sehingga Jun 2020, IMPAC yang telah ditubuhkan pada 4 November 2010 telah melatih seramai **73,526** orang peserta melibatkan sebanyak **1,978** kursus kemahiran komoditi melalui pusat-pusat latihan di bawah enam agensi Kementerian;
- iii. menubuhkan Jawatankuasa Tenaga Kerja Sektor Perladangan dan Industri Komoditi (JTKSPIK) bagi menyediakan platform kepada pihak industri dan Agensi Kerajaan untuk membincangkan tentang isu-isu serta permasalahan berkaitan tenaga kerja di samping menggalakkan pihak industri menggaji pekerja tempatan dan tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing;
- iv. menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemerksaan Pembangunan Modal Insan Industri Perabot (JTPMIP) dengan objektif untuk

meningkatkan penglibatan tenaga kerja tempatan khususnya golongan belia dalam menceburi kerjaya di industri perabot dan seterusnya menangani kebergantungan negara terhadap pekerja asing dalam industri tersebut. Jawatankuasa ini melibatkan keahlian daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) serta kementerian-kementerian lain yang berkaitan;

- v. memberikan insentif Skim Galakan Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS) kepada majikan untuk menggalakkan penggunaan mekanisasi bagi menarik minat pekerja tempatan. Dalam usaha untuk menggalakkan syarikat perladangan dan pekebun kecil menggunakan peralatan dan jentera perladangan, diskaun sehingga 20% ditawarkan bagi setiap jentera yang dibeli untuk kegunaan di ladang sawit di bawah skim OPIMIS. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi melaksanakan skim ini; dan
 - vi. menggalakkan kajian dan penyelidikan dalam bidang mekanisasi melalui Dana Mekanisasi Sawit. Dalam usaha untuk menggalakkan dan membiayai aktiviti penyelidikan berkaitan mekanisasi oleh institusi penyelidikan tempatan dan antarabangsa, peruntukan Dana Mekanisasi Sawit berjumlah RM30 juta telah diwujudkan. Melalui penyelidikan yang berterusan, diharap lebih banyak jentera yang lebih sesuai pada kos yang rendah dapat direkacipta dan diguna pakai bagi meningkatkan produktiviti dan seterusnya mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing.
- b) Apakah jenis pekerjaan yang ada dan jenis latihan kemahiran agrikomoditi yang disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian pastinya menyediakan peluang pekerjaan dan latihan yang bersesuaian dengan sektor masing-masing.

Bagi sektor agrikomoditi seperti getah dan sawit, antara peluang pekerjaan yang ada ialah pekerjaan di bidang pentadbiran, estet dan kilang. Bagi sektor sawit, pekerjaan di estet dibahagikan kepada mandur, penuai dan

SOALAN NO : 15

pemungut buah tandan segar, pekerja ladang dan pekerja am. Bagi sektor lada, koko dan ladang hutan pula melibatkan pekerja dalam bidang pentadbiran dan pekerja ladang.

Seterusnya, jenis latihan kemahiran agrikomoditi yang disediakan pula, sebagai contohnya Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) dan Akademi Hevea Malaysia di bawah IMPAC telah menawarkan pelbagai program kursus jangka pendek dan jangka panjang.

Antaranya seperti Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML), Kursus Kemahiran Menggred Buah Sawit, Kursus *Good Agricultural Practise* (GAP), Kursus Sijil Teknologi Getah, Kursus Pemprosesan Latex dan sebagainya yang memfokuskan untuk memberikan tunjuk ajar, panduan berkaitan amalan terbaik pertanian dan latihan menjadi pekerja terlatih/mahir. Sehubungan itu, lepasan peserta kursus ini akan berkemampuan menjadi operator jentera ladang terlatih, mandur, penyelia ladang, usahawan produk agrikomoditi dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.